

Pelajar tolak LGBT

50 mahasiswa sertai program anjuran JMM nyata kebencian gaya hidup songsang

>>Oleh Mohd Helmi Irwadi
Mohd Nor

mohdhelmi@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: “Budaya hidup lesbian, gay, bioseksual, transeksual (LGBT) dan seks bebas jika tidak dibendung bukan saja merosakkan institusi keluarga tetapi ia menjatuhkan maruah agama dan nilai bangsa.

“Saya kesal dengan lambakan golongan terbabit dan kecewa apabila mereka ini tidak malu memperjuangkan gaya hidup songsang yang ternyata salah di sisi syarak,” kata Nor Fariah Adnan, 20, pelajar Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia dari Universiti Malaya (UM).

Nor Fariah ketika ditemui pada Program Jelajah Aman Kampus anjuran Jaringan Melayu Malaysia (JMM) di Auditorium Fakulti Pendidikan UM, semalam menyatakan kekesalan terhadap kewujudan kumpulan LGBT



FOTO | Iqmal Haqim Rosman

LANCAR...Lee dan Azwandin bersama pelajar IPTA selepas merasmikan Forum Pandangan Mahasiswa Mengenai LGBT di UM, semalam.

selepas menyifatkan masalah itu memporak-perandakan masyarakat dan negara.

Selain Nor Fariah, 50 pelajar dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Limkokwing dan Universiti Kuala Lumpur (UniKL) yang menyertai program itu sama menyana-

kan kebencian mereka terhadap isu LGBT sambil melancarkan ‘Mahasiswa Taknak LGBT dan seks bebas’.

Dalam majlis itu, Naib Presiden Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF), Tan Sri Lee Lam Thye hadir merasmikan program dan menyifatkan pembangunan ekonomi, sains dan teknologi dikecapi negara tidak

membawa sebarang makna sekiranya pembangunan sosial dipinggirkan.

“Sebagai pelajar, saya melihat isu LGBT sangat membimbangkan dan dikhuatiri jika masalah itu tidak dibendung di peringkat akar umbi, ia mempengaruhi kanak-kanak dan pelajar sekolah,” katanya.

Pelajar UTM, Muhammad

Faezee Zulkiflee, 19, menyaran pihak berkuasa tempatan mengenakan tindakan keras terhadap kumpulan LGBT termasuk hukuman penjara sebelum dibentuk semula akhlak mereka.

“Perkara mengecewakan adalah mereka ini sẽ akan-akan mencabar polisi memansuhkan Seksyen 37 bertujuan menghalalkan seks songsang,” katanya.

Presiden JMM, Azwandi Hamzah berkata, kajian dilakukan tahun lalu mendapati 18 kes perceraian di sebabkan suami menjalinkan hubungan sulit dengan pasangan lelakinya.

“Selain itu, 28 kes yang dilaporkan juga mendapati 28 kes membabitkan hubungan songsang antara pelajar dengan pelajar serta pelajar dengan guru.

“Punca masalah ini disebabkan remaja terbabit dibawa menyertai parti tertutup sebelum mereka terperangkap menjalinkan hubungan songsang,” katanya.